

LICAPAN: ADHO

323 - 91/79

45

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
MRESMIKAN KOMPLEKS SUKAN BANGSAR,
KUALA LUMPUR, PADA 30HB. JUN, 1978
JAM 5.00 PETANG.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerajaan
Tempatan dan Wilayah Persekutuan,
Encik Subramaniam,

Yang Berbahagia Datuk Bandar Tan Sri Yaacob
bin Abdul Latiff,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima
kasih serta setinggi² penghormatan, kepada
penduduk-penduduk di kawasan Bangsar, kerana
memberi penghormatan kepada saya, merasmikan
pembukaan kompleks sukan Bangsar petang ini.
Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah

kapada Encik Subramaniam, dan juga Datuk Bandar, yang telah berjaya menyediakan sebuah kompleks sukan yang begitu indah. Kompleks sukan ini, amatlah berfaedah kapada penduduk-penduduk Kuala Lumpur amnya, dan penduduk-penduduk Bangsar khasnya.

2. Terima kasih dan tahniah, juga saya ucapkan, kapada pemimpin-pemimpin masyarakat di Bangsar, di atas sokongan dan kerjasama yang telah mereka berikan kapada Kerajaan Barisan Nasional, dan Dewan Bandaraya terhadap

...3/-

pembinaan kompleks sukan ini. Kemudahan ini, bukan sahaja menjadi satu pusat kegiatan sukan bagi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan ini, tetapi juga merupakan pusat di mana aktiviti-aktiviti masyarakat, dapat dirancangkan untuk kebajikan semua pihak, serta merapatkan lagi perhubungan dan silaturrahim, di kalangan penduduk dan rakyat berbilang kaum di kawasan ini.

3. Salah satu cabaran bagi kita di Kuala Lumpur ini, ialah memelihara dan memperkukuhkan lagi, hidup bermasyarakat di kawasan bandaraya

ini, kearah mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatupadu, bertanggungjawab ^{dan} berdisiplin, supaya dapat menjadi contoh yang baik kepada seluruh negara. Kemudahan kompleks ini, serta dewan-dewan serbaguna yang telah dan akan di dirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional di merata tanah air, akan menjadi pusat dan alat, bagi mencapai hasrat dan cita-cita suci kita itu. Di samping itu, kemudahan sukan di dewan-dewan ini, akan dapat mengisi masa lapang belia-belia di Kuala Lumpur, yang berjumlah lebih kurang 62% dari jumlah

penduduk di Wilayah Persekutuan seramai
800.ribu orang.

4. Masaanlah anti-sosial, seperti dadah dan lain-lain gejala, yang tidak di ingini di kalangan belia-belia di Kuala Lumpur ini, hendaklah diperangi dan ^{di-}atasi, dengan cara yang lebih positif, seperti mengadakan kompleks-kompleks sukan, supaya setiap masa lapang mereka itu, dapat di penuhi dengan kegiatan-kegiatan yang lebih berguna. Inilah sebaik-baik jalan, bagi mewujudkan sebuah masyarakat belia yang

...6/-

sihat, kukuh dan berdisiplin, yang boleh
yang
mempastikan masa depan negara/lebih terjamin
lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.


5. Kawasan Damansara adalah salah satu kawasan yang pesat membangun, dan telah mendapat perhatian yang berat oleh Kerajaan Barisan Nasional, dan Dewan Bandaraya. Berbagai projek Kerajaan telah dilaksanakan di kawasan ini, dan rakyat serta penduduk berbilang kaum

telah pun dapat menikmati kemudahan-kemudahan,
yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.
Kawasan ini terletak di bahagian Wilayah
Persekutuan yang sangat strategik, kerana
dalam kawasan ini, dari Kampung Abdullah Hukom,
Kampung Kerunchi, membawa hingga ke Kampung
Sungai Pencala, merupakan pintu masuk ke bandaraya
Kuala Lumpur. Kawasan Damansara ini, akan menjadi
sebuah kawasan kediaman yang ideal dan menarik,
kerana kedudukannya yang strategik itu. Masa
depan kawasan ini, adalah sangat baik sekali
jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan

kediaman yang lain di Wilayah Persekutuan, kerana ia mempunyai potensi-potensi penyelesaian dan kebahagiaan hidup bagi penduduk-penduduk yang bekerja, samada di bandaraya atau di-Petaling Jaya, Shah Alam dan Kelang.

6. Oleh yang demikian, sangatlah penting bagi penduduk-penduduk kawasan ini, membantu dan memberi kerjasama penuh mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional, supaya usaha-usaha yang lebih pesat dapat dijalankan bagi merancang dan membangunkan kawasan-kawasan ini dalam

masa yang sesingkat-singkatnya, demi kepentingan dan faedah Kuala Lumpur amnya, dan penduduk-penduduk di Damansara khasnya. Kawasan ini amatlah bertuah, kerana ia mempunyai ~~pemimpin~~ ~~dan~~ wakil rakyat yang bertanggungjawab ^{dan} yang sentiasa memahami masaaalah-masaaalah penduduk di sini, serta mengemukakan keperluan-keperluan mereka untuk perhatian dan tindakan Kerajaan yang memerintah sekarang ini. Dari usaha-usaha

 Encik Subramaniam, pihak Dewan Bandaraya dan Kerajaan Barisan Nasional, telah dapat mengetahui sepenuhnya, kesulitan dan kekurangan

kemudahan rakyat di segenap kawasan ini.

Dengan kerjasama Encik Subramaniam beberapa projek telah dan akan dilaksanakan bagi faedah penduduk-penduduk di sini.

7. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, mengumumkan projek-projek yang penting yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional di kawasan Damansara. Kami akan mengambil tindakan segera menyelesaikan masalah keluar masuk atau "access", bagi seluruh kawasan kediaman di Bangsar. Projek jangka pendek, untuk memperbaiki dan memperbesarkan persimpangan

diantara Jalan Bangsar dan Jalan Maarof, akan dilaksanakan awal tahun hadapan. Di samping itu, kajian akan dijalankan untuk melicinkan perjalanan terafik dan "access" jangka panjang bagi kawasan ini.

8. Projek kedua yang berfaedah kepada rakyat, ialah di Sungai Pencala. Kerajaan ^{pun} Barisan Nasional telah/meluluskan peruntukan sebanyak \$895 ribu, bagi membekalkan air paip di Kampung Sungai Pencala dan kampung-kampung yang berdekatan. Projek ini akan dilaksanakan

...12/-

sebelum akhir tempoh penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan Barisan Nasional juga telah meluluskan peruntukan sebanyak \$450 ribu, untuk membina jalan sejauh satu batu bagi membuka kawasan Kampung Perlembayan dan Kampung Pencala.

9. Bagi penduduk-penduduk di kawasan Pantai, yang terlibat dengan projek pembedungan, Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan wang sebanyak \$20 juta, kerana perbelanjaan mengambil balik tanah seluas 142 ekar di kawasan yang berhampiran di situ, untuk menempatkan semula

²
tuanpunya-~~tuanpunya~~ tanah yang terlibat,
dan juga bagi melaksanakan projek perumahan
murah untuk menempatkan semula setinggian-
setinggian di kawasan itu, dan lain-lain
kawasan yang berhampiran. Bagi kawasan
Abdullah Hukum, Kampung Paya dan kampung-
kampung yang berdekatan, Kerajaan Barisan
Nasional sedang merancang satu projek perumahan
bagi menempatkan semula setinggian-setinggian
yang tinggal di kawasan ini. Oleh sebab
kawasan ini adalah strategik dan bernilai
tinggi, perancangannya terpaksa dihalusi

supaya faedah yang sepenuh dapat diperolehi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberi perhatian yang berat kepada rancangan dan pentadbiran Wilayah Persekutuan ini. Kuala Lumpur adalah ibu negara Malaysia, dan Wilayah yang ditadbirkan secara langsung oleh Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan. Bandaraya ini, memainkan peranan penting penggerak, sebagai sebuah pusat atau nadi meningkatkan kegiatan negara dalam semua bidang. Kawasan

ini mempunyai penduduk yang begitu ramai dan padat, jika dibandingkan dengan bandar-bandar yang lain. Hasrat Kerajaan Barisan Nasional ialah, membangunkan Bandaraya ini supaya setanding dengan ibu negara-ibu negara yang maju di dunia, yang boleh menjadi kemegahan bagi semua rakyat Malaysia.

11. Di samping itu, berbagai kemudahan bandar akan dilaksanakan, peringkat demi peringkat, bagi menampung keperluan penduduk-penduduk yang tinggal di Wilayah Persekutuan.

✓ Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan telah memberi peruntukan sebanyak \$400 juta kepada Dewan Bandaraya, untuk menjalankan sebilangan projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Projek-projek ini termasuklah membina jalanraya untuk menyelesaikan masalah lalulintas.

Programme-programme dari segi kesihatan ialah, projek-projek pembetulan yang diselenggarakan secara besar-besaran, rancangan perumahan kos rendah, dan berbagai lagi kemudahan bandar *lain.* yang ~~lain.~~ Usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, melalui Dewan Bandaraya, untuk menyiapkan

sebuah Pelan Induk yang baru bagi Wilayah Persekutuan. Pelan Induk ini, akan meliputi semua bidang pembangunan bagi memenuhi keperluan penduduk² khususnya, dan pembangunan ibu negara amnya.

12. Di dalam usaha dan projek-projek pembangunan ini, Kerajaan Barisan Nasional akan memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, serta penduduk-penduduk Bumiputra, supaya mereka akan mendapat tempat yang sewajarnya di dalam segenap lapangan kemajuan di Kuala Lumpur ini. Kawasan-kawasan

perkampungan Melayu di beberapa tempat di-
 ini,
 Wilayah Persekutuan/sedang dirancangkan untuk
 pembangunan, dengan tujuan meninggikan lagi
 nilai harta-harta bumiputra, supaya mereka
 dapat mengambil peranan yang lebih aktif dalam
 ekonomi bandaraya ini.

13. Masaaalah perumahan bagi penduduk-penduduk
 yang berpendapatan rendah, akan terus diberi
 keutamaan. Selain ^{dari} ~~dari~~ 13 ribu yunit rumah kos
rendah, yang akan dibina di bawah Rancangan
 Malaysia Ketiga ini, Kerajaan Barisan Nasional
 telah pun meluluskan pada prinsipnya, sebanyak

tiga ratus juta ringgit sebagai rancangan tam-
bahan, projek perumahan / ^{murah.} Jumlah bilangan
perumahan ini akan menjadi semakin meningkat,
dengan adanya usaha-usaha dari pemaju-pemaju
perumahan swasta. Dengan rancangan ini, Kerajaan
Barisan Nasional berharap akan dapat menyelesaikan
masalah perumahan bagi rakyat yang berpen-
dapatan rendah dalam masa yang sesingkat-singkatnya.
Mataamat kami ialah, supaya rakyat dari segenap
gulungan dapat mengecapkan nikmat dari hasil
kemajuan negara.

..20/-

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Sebagaimana yang telah selalu saya jelas dan tegaskan, bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil berat kehendak dan keperluan rakyat semua golongan. Sejak Barisan Nasional ditubuhkan empat tahun lalu, dan mewarisi pentadbiran negara dari Parti Perikatan, ia telah dapat membuktikan kebolehan dan kemampuannya. Kami kaya dengan pengalaman, serta mempunyai banyak tenaga kemahiran dan kepakaran, bagi memenuhi berbagai selera rakyat berbilang kaum, dan berbagai keturunan di negara ini.

15. Kami bukan sahaja telah dapat mewujudkan kesetabilan politik,serta mengukuhkan lagi perpaduan,dan mengeratkan lagi persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum,tetapi kami telah dapat membawa keamanan dan kemakmuran,yang telah dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat dan penduduk. Kejayaan dan kemajuan yang telah kami perolehi untuk rakyat dan negara,dalam beberapa tahun ini,sungguh *sekali pun* cemerlang, ~~memandangkan~~ bahawa keadaan dan kedudukan ekonomi dunia pada keseluruhannya,tidaklah begitu menggalakkan.

16. Kami memerlukan pemimpin-pemimpin yang mewakili rakyat, mempunyai hasrat dan cita-cita yang sekata dan sehaluan dengan hasrat dan cita-cita suci sebilangan besar rakyat di negara ini, dan mempunyai persefahaman dengan parti yang ~~akan~~ memegang pucuk pentadbiran Kerajaan. Kami sentiasa menjunjung tinggi hasrat dan cita-cita rakyat, dan sebagaimana pada masa-masa yang lalu, akan terus menunaikan tugas dan tanggungjawab ini. Dari pengalaman kami di masa-masa yang lampau, hanyalah Wakil-wakil Rakyat dari parti yang mentadbirkan negara, hendak bekerjasama dengan Kerajaan, serta mempunyai

persefahaman penuh terhadap dasar-dasar Kerajaan.

17. Persefahaman ini adalah penting, supaya kemudahan dan kemajuan dapat di bawa kepada rakyat. Wakil-wakil Rakyat dari parti lawan, tidak hendak bekerjasama dengan Kerajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan mendapati sukar hendak menyalurkan segala bantuan kepada rakyat, dan sukar hendak menyampaikan pembangunan kepada rakyat. Oleh itu, adalah penting bagi ^{rakyat} memilih ~~calun-calun~~ ~~dari~~ parti yang akan memegang semula pentadbiran negara. Barisan Nasional mempunyai penuh keyakinan, mendapat mandatnya ^{baru} ~~sekali lagi~~ dari


sebilangan besar rakyat.

18. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini. Saya mendo'akan, agar dengan pembukaan Kompleks Sukan Bangsar ini, TUHAN akan memberi taufiq dan hidayahNYA kepada rakyat di kawasan ini, serta sentiasa memberi pertunjuk kepada mereka ke arah jalan yang benar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
mengisytiharkan Kompleks Sukan Bangsar ini,
dibuka dengan resminya.

Terima kasih.





Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya

menatijitarkan Kompleks Beribadat dengan ini

dipuka dengan resminya

Terima kasih



No Siri	381
No Penerimaan	45/79